# Ujian Akhir Sesi Akademik

**Bahagian A**
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

**1** Konsep Alam Melayu dapat dilihat dari aspek penggunaan bahasa serumpun yang dikaitkan dengan bahasa Melayu.
Bahasa Melayu tergolong dalam bahasa

**A** Polinesia
**B** Atronesia
**C** Monotisia
**D** Austronesia

**2** Maklumat berikut berkaitan dengan pengasas sebuah kerajaan Alam Melayu.

- Raja Khmer
- Raja Ganji Sarjuna

Apakah kerajaan Alam Melayu tersebut?

**A** Kerajaan Gangga Nagara
**B** Kerajaan Kedah Tua
**C** Kerajaan Srivijaya
**D** Kerajaan Angkor

**3** Sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu yang masyhur ialah sistem beraja.
Apakah gelaran yang digunakan oleh raja-raja Majapahit?

I Rajadhiraja
II Sri Bathara
III Sri Maharaja
IV Kurung Bnam

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**4** Gambar berikut menunjukkan sejenis rempah-ratus yang diusahakan di Alam Melayu.

Bunga cengkih

Di manakah tanaman tersebut diusahakan?

**A** Jawa
**B** Jambi
**C** Sumatera
**D** Kepulauan Maluku

**5** Masyarakat kerajaan Champa menuturkan bahasa Melayu Champa dan bahasa Sanskrit. Apakah bukti bagi menyokong pernyataan tersebut?

**A** Penemuan batu bersurat
**B** Penulisan karya agung kerajaan
**C** Penemuan inskripsi pada dinding candi
**D** Penemuan ukiran pada dinding dan batu

**6** Maklumat berikut merujuk kepada batu bersurat yang dijumpai di Alam Melayu.

Batu bersurat Sdok Kok Thom

Apakah yang diperihalkan dalam batu bersurat tersebut?

**A** Aspek keagamaan
**B** Kisah Jayavarman II
**C** Kepentingan taat setia kepada raja
**D** Doa dan amalan dalam agama Buddha

**7** Dinamisme berkait rapat dengan kepercayaan terhadap kekuatan yang juga dikenali sebagai

**A** roh
**B** ghaib
**C** semangat
**D** nenek moyang

**8** Agama Islam tersebar di Majapahit sejak abad ke-14.
Siapakah pegawai kerajaan Ming beragama Islam yang dilantik sebagai wakil tetap di Majapahit?

**A** I-Tsing
**B** Wu Ping
**C** Zheng He
**D** Fan Shih-man

**9** Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu Melaka.

- Konsep daulat
- Adat istiadat istana
- Alat kebesaran diraja

Apakah tujuan konsep tersebut dilaksanakan dalam Kesultanan Melayu Melaka?



LIVEWORKSHEETS

A Mengukuhkan kedudukan raja
B Memanjangkan tempoh pemerintahan
C Mengerah tenaga rakyat demi kepentingan raja
D Menunjukkan tonggak dalam pentadbiran sesebuah kerajaan

10 Peta berikut menunjukkan kawasan pengaruh Islam ke Alam Melayu.

Buku Teks m/s 82




Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka menyebarkan agama Islam ke kawasan tersebut?

I Perundingan
II Persahabatan
III Perkahwinan
IV Peluasan kuasa

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Maklumat berikut berkaitan pelabuhan yang terdapat dalam kerajaan Johor Riau.

Buku Teks m/s 104

- Panchor
- Batu Sawar
- Johor Lama

Apakah keistimewaan pelabuhan tersebut yang menyebabkan Johor muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul?

A Kadar cukai yang tinggi
B Kemudahan gudang yang lengkap
C Mudah dimudiki oleh kapal besar
D Pusat bekalan bahan mentah yang terkemuka

12 Rajah berikut berkaitan perkembangan persuratan Kesultanan Johor Riau.

Buku Teks m/s 108

Kandungan *Hikayat Hang Tuah* → Kesetiaan / X

Apakah **X**?

A Keunggulan
B Keberanian
C Kegigihan
D Ketaatan

13 Antara berikut, yang manakah merupakan alat kebesaran yang dibawa oleh Tun Zainal Abidin semasa berangkat ke Terengganu?

Buku Teks m/s 120

A Nobat
B Mahkota Diraja
C Pedang Cura Si Manja Kini
D Keris panjang Nang Chayam

14 Maklumat berikut berkaitan dengan mata wang yang digunakan di negeri Melayu.

Buku Teks m/s 131

| Negeri | Mata wang |
|---|---|
| X | Kupang emas |

Apakah negeri **X**?

A Pahang
B Kelantan
C Selangor
D Terengganu

15 *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan antara sumber utama pengasasan sebuah kerajaan Melayu.
Antara berikut, kerajaan Melayu yang manakah berkaitan dengan sumber tersebut?

Buku Teks m/s 138

A Perlis
B Kedah
C Kelantan
D Negeri Sembilan

16 Bagaimanakah Sungai Linggi penting kepada kerajaan Negeri Sembilan?

Buku Teks m/s 147

A Pangkalan armada laut
B Kawasan pungutan cukai
C Sumber bekalan ikan air tawar
D Tempat pertemuan para pedagang

17 Apakah barangan yang diperdagangkan di pelabuhan Pangkalan Galoh, Kelantan?

Buku Teks m/s 151

A Sirih
B Emas
C Beras
D Ikan kering

18 Apakah peranan Ibu Soko dalam pelaksanaan Adat Perpatih?

Buku Teks m/s 171

A Memilih dan melantik Lembaga
B Menyelesaikan pertelingkahan antara suku
C Menjadi ketua rujukan berkaitan adat dan hukum
D Mengetahui, memahami serta menghafal adat dan asal usul



LIVEWORKSHEETS

**19** Masyarakat di Sabah mempunyai sistem pemerintahan tempatan berdasarkan lokasi tertentu.

Buku Teks m/s 188

Di manakah lokasi pemerintahan ketua bebas di Sabah?

**A** Kaki gunung
**B** Lereng bukit
**C** Pesisir pantai
**D** Muara sungai

**20** Apakah kepentingan sungai kepada masyarakat di Sarawak dan Sabah?

Buku Teks m/s 190

**A** Pemujaan
**B** Bekalan pasir
**C** Perlombongan
**D** Kegiatan rekreasi

LIVEWORKSHEETS